

## KPM akan keluarkan garis panduan kes buli - Fadhlina

Oleh Mohd Amin Jalil - September 9, 2023 @ 1:17pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Fadhlina beramah mesra bersama peserta pada Seminar Pendidikan MADANI di USIM hari ini. - BERNAMA

NILAI: Kementerian Pendidikan (KPM) akan mengeluarkan garis panduan khusus berkaitan buli di sekolah sebagai langkah menangani kegiatan tidak sihat itu.

Menterinya, Fadhlina Sidek, berkata pihaknya tidak akan berkompromi dengan sebarang tindakan atau aktiviti buli kerana sekolah sepatutnya menjadi tempat paling selamat untuk setiap murid.

"Kita tidak berkompromi dalam soal kes buli, (jadi) satu garis panduan (berkaitan buli) akan dikeluarkan tidak lama lagi yang akan ada beberapa perkara yang kita sentuh termasuk buli siber.

"Hakikatnya, kita tidak boleh terima aktiviti buli ini dilakukan oleh anak-anak kita di sekolah," katanya ketika berucap merasmikan Seminar Pendidikan MADANI 2023 bertemakan 'Memartabatkan Karamah Insaniah dan Membangun Generasi MADANI' di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), di sini, hari ini.

Seminar anjuran Kongres Kesatuan Guru-Guru Dalam Perkhidmatan Pelajaran Malaysia (KONGRES) dengan kerjasama USIM itu turut dihadiri Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan, Sharfuddin Ali Hussin; Timbalan Naib Cancellor USIM, Prof Dr Mohd Radhi Ibrahim dan Presiden KONGRES, Jasni Md Kechik.

Dalam pada itu, Fadhlina berkata, pihaknya turut menzahirkan komitmen terhadap isu jenayah seksual dan perkauman di sekolah.

"Kita tidak boleh bagi muka perkara ini (jenayah seksual dan perkauman)....perkauman berlaku di sekolah walaupun isu ini datang setahun sekali atau setiap kali menjelang pilihan raya," katanya.

Beliau turut menegaskan KPM tidak akan mengetepikan kesatuan guru di negara ini sebagai salah satu saluran bagi menyampaikan dasar dan maklumat kementerian ke peringkat akar umbi.

Katanya, pembabitan mereka penting kerana ahli kesatuan dan guru adalah pelaksana dan pendukung dalam menentukan kejayaan sesuatu dasar baharu pendidikan negara.

"Teras kami yang pertama adalah untuk memastikan komunikasi akan sampai dan KONGRES akan sentiasa menyambut agenda kementerian," katanya.

Sementara itu ketika sidang media, Fadhlina menegaskan pihaknya menyambut baik penganjuran seminar hari ini yang bertujuan mengangkat darjat manusia khususnya dalam memberikan akses pendidikan kepada anak-anak.

"Selari usaha melahirkan murid ABC (anak yang baik lagi cerdik) pendidik perlu diberikan kefahaman yang jitu dan mendalam berkaitan konsep karamah insaniah.

"Guru juga wajar diperkasakan dengan elemen ini melalui pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) demi memartabatkan kualiti pendidikan negara," katanya.